



**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-20  
MAJLIS MESYUARAT NEGARA**  
(JURNAL HARIAN)

**PADA HARI ISNIN, 23HB., SYA'ABAN 1445 / 04HB., MAC 2024  
(HARI KELIMA)**

- 1. Do'a Selamat**
- 2. MESYUARAT DI PERINGKAT JAWATANKUASA**

**2.1. KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

- 2.1.1. Jawatankuasa telah menyambung untuk menimbangkan tajuk-tajuk di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu Tajuk SE01A hingga Tajuk SE12A.
- 2.1.2. Beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan persoalan mereka yang seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Beberapa persoalan juga dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan; Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, iaitu:
  - i. Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed;
    - Mengemukakan cadangan berkaitan Skim Perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampong dalam mana pemohon di bawah umur 40 tahun boleh dipertimbangkan untuk berkhidmat selama 20 tahun atau lebih agar mereka dapat merancang persaraan yang lebih baik dan memberikan peluang untuk mencari kerja lain di bawah kementerian atau pekerjaan lain;

- Mengharapkan agar Skim Perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung berkenaan dirancang dengan lebih baik dengan diberikan latihan yang sewajarnya.
- ii. Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin;
  - Mencadangkan jambatan-jambatan dan jeti di Kampong Ayer untuk ditambahbaik dengan membina jambatan konkrit;
  - Menyoalkan perancangan kementerian untuk membina dewan-dewan kemasyarakatan di mukim-mukim yang belum memilikinya dan mencadangkan dilaksanakan mengikut keutamaan dan keperluan;
  - Menyoalkan apakah inisiatif kementerian bagi menjaga kesejahteraan dan keselamatan penghulu dan ketua kampong dalam mengendalikan pencen umur tua dengan jumlah wang yang besar.
- iii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman;
  - Menyeru supaya mewujudkan mekanisma yang membolehkan penghulu mukim dan ketua kampung dalam menangani masalah orang kampung dengan segera dan dengan penuh akauntabiliti agar tidak disalahguna oleh mana-mana pihak;
  - Menyentuh mengenai peruntukan bagi penghapusan bangunan-bangunan Kerajaan yang kosong, tidak selamat dan terbiar bagi memberi ruang kepada pembangunan baharu, dalam mana tiada peruntukan disediakan dibawah RKN-12;
  - Mencadangkan penubuhan *task force* terdiri daripada pihak kerajaan dan swasta bagi meneliti penggunaan tanah-tanah yang boleh dimajukan oleh pelabur asing dan memberi nilai tinggi kepada ekonomi;

- Menyeru bagi undang-undang dan peraturan penggunaan tanah di kawasan bandar untuk dikaji dan dipermudahkan untuk tujuan komersial, termasuk dasar *ease of doing business*;
- Menyentuh sama ada peruntukan bagi menaiktaraf pos-pos kawalan imigresen darat dibawah RKN-12 adalah mencukupi;
- Mengharapkan kementerian dapat mengatasi masalah beratur panjang di pos-pos imigresen terutamanya semasa *peak season*;
- Memohon pencerahan menegnai usaha pihak Kementerian untuk menarik rakyat sendiri dan orang asing untuk berbelanja di Negara Brunei Darussalam.

iv. Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan;

- Mencadangkan bagi pengemaskinian peraturan permohonan hiburan awam mengikut kesesuaian perubahan masa dengan bersyaratkan masih menghormati ajaran agama Islam bagi meningkatkan sosioekonomi dan aktiviti-aktiviti perniagaan;
- Mencadangkan inisiatif bagi mewujudkan program atau projek inovasi di bawah program 1 Kampung 1 Produk (1K1P) untuk menghasilkan produk baharu 1 Kampung 1 Produk (1K1P) dan mengembangkan mengikut perubahan pasaran semasa.

v. Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub;

- Mencadangkan usaha bagi menaiktaraf bangunan termasuk balai raya dan dewan kemasyarakatan untuk meningkatkan kualiti dan mengutamakan keselamatan bangunan dengan penggunaan konsep bebas penyelenggaraan dan kos efektif;

- Menyeru kepentingan kebersihan awam dan mengetengahkan bagi penguatkuasaan undang-undang tentang isu sampah sarap dan kawalan binatang liar;
- vi. Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann;
  - Menyoalkan tentang perancangan bagi mengawal kemasukan warga asing dan apakah pelan-pelan strategik yang akan dilaksanakan bagi mengimbangi situasi dan dalam masa yang sama memberi keutamaan kepada anak-anak tempatan menceburি bidang-bidang tertentu.
- vii. Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir;
  - Mencadangkan untuk menaiktaraf bangunan pos-pos sempadan yang tidak terurus dan memerlukan perhatian yang sewajarnya untuk memberi *first impression* yang baik;
  - Mencadangkan untuk menggunakan teknologi terkini seperti skrin LCD di pos sempadan agar mampu menyebarkan maklumat secara berterusan dan efektif kepada pelancong;
  - Menyoalkan sekiranya ada usaha strategik hubungan dua hala dengan negara jiran bagi mengurangkan kesesakan kenderaan beratur di pos imigresen ketika waktu cuti awam dan persekolahan;
  - Ingin mengetahui sekiranya terdapat perancangan menaiktaraf Pekan Bangar sebagai sebuah perbandaran dan ditadbir oleh Lembaga Bandaran.
- viii. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Othman;
  - Menyoalkan mengenai usaha dan pandangan kementerian berkenaan dengan bangunan rumah persinggahan agar dapat berfungsi mengikut perubahan masa dan jumlah

bangunan rumah persinggahan yang ada sekarang;

- Memohon agar pihak kementerian memberi perhatian kepada dewan dan infrastruktur yang memerlukan perhatian segera seperti Dewan Serbaguna Kampung Merangking dan Kampung Rampayoh;
- Menyoalkan mengenai *Standard of Procedure (SOP)* yang digunakan oleh Jabatan Penjara bagi membawa banduan-banduan untuk mendapatkan rawatan ke pusat kesihatan atau hospital-hospital kerajaan ke arah memastikan kesejahteraan dan keselamatan banduan dan orang ramai.

ix. Yang Berhormat Awang Lau How Teck;

- Mencadangkan agar pihak Kementerian meningkatkan *user-friendliness* untuk memudahkan transformasi digital yang mesti diselaraskan dengan menyediakan panduan *step-by-step* yang bersesuaian untuk semua peringkat umur khususnya warga emas.

x. Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin;

- Menyeru agar pihak Kementerian membuat analisis *manpower demand forecast* dan *succession planning* untuk menyediakan tenaga pekerja tempatan yang berkemahiran dan *work-ready*;
- Mencadangkan untuk membuat *levy* yang berpatutan bagi pengambilan warga asing dan setiap *work permit* tanpa membebankan rakyat dan industri, yang seterusnya memberikan insentif kepada majikan untuk menggantikan pemegang permit kepada warga tempatan yang terlatih;
- Memohon penerangan tentang pelan tindakan untuk memantau dan memastikan tapak

perniagaan dalam bangunan yang khusus bagi perniagaan bumiputera adalah tidak digunakan oleh perniagaan orang asing;

- Mencadangkan untuk membuat Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi Lembaga Bandaran untuk membuat inventori tapak-tapak perniagaan di bawah kawalan yang kosong dan menunjukkan kejayaan pengutipan hasil sewa dari tapak-tapak perniagaan;
- Memohon pencerahan pelan tindakan yang telah digubal untuk menceriakan kawasan-kawasan perniagaan;
- Mengesyorkan untuk membuat Petunjuk Prestasi Utama (KPI) di setiap daerah untuk memantau kecepatan dan keberkesanan kerja-kerja ubahsuai dan pemulihan rumah/flat kerajaan;
- Memohon penerangan tentang status pemegang jawatan Pegawai Daerah, penghulu dan ketua kampung yang masih dalam kategori memangku jawatan;
- Memohon pencerahan pelan tindakan bagi memastikan jumlah pengundi yang turun untuk mengundi adalah berpatutan dengan jumlah keramaian penduduk;
- Mencadangkan untuk pengisian kekosongan jawatan ketua-ketua di rumah panjang;
- Memohon pencerahan berkenaan peruntukan dibawah RKN-12 yang tidak memuatkan peruntukan bagi projek-projek untuk menaiktaraf kemudahan kerajaan seperti pos kawalan imigresen dan projek bagi membuat prasarana di daerah-daerah dan luar bandar bagi membantu meningkatkan ekonomi dan industri setempat.

xi. Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan;

- Memohon pencerahan mengenai tindakan-tindakan atau perancangan dalam

membalik pulih kemudahan-kemudahan yang telah rosak di Taman Rekreasi Tasek Lama.

xii. Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin;

- Ingin mengetahui mengapakah tangga gaji minima bagi pekerja asing khususnya bagi warganegara Bangladesh ditentukan oleh kedutaan dan adakah Jabatan Buruh membiarkan ataupun lemah untuk menangani perkara ini;
- Ingin mengetahui berapakah jumlah kes kesalahan tertinggi dilakukan oleh majikan di bawah Bab 10 dan Bab 112(2) dan adakah ia melibatkan kesalahan-kesalahan yang dikenakan denda kompaun atau didakwa di mahkamah serta jumlah kutipan bagi kesalahan-kesalahan ini;
- Mencadangkan agar agen pembantu rumah hanya diberikan lesen yang sah setelah memenuhi syarat mempunyai modal atau *capital* yang tertentu untuk mengelakkan kerugian dari pihak majikan;
- Ingin mengetahui jika pesalah yang dikenakan denda kompaun membayar denda tersebut, jumlah hasil kutipan dari denda kompaun dan tindakan tegas Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan kepada orang yang gagal membayar denda tersebut;
- Mencadangkan supaya pesalah-pesalah imigresen di bawah kesalahan kompaun untuk disenarai hitamkan dari masuk ke Negara Brunei Darussalam;
- Ingin mengetahui kenapa hal Pas Khas yang disambung bukan tepat pada tarikh mansuh yang tertentu dan seterusnya mengapakah hal tersebut dikeluarkan oleh pegawai-pegawai biasa;

- Mencadangkan agar Pas Khas dikeluarkan atau disambung oleh pegawai-pegawai tertentu untuk mengelakkan penyalahgunaan Pas Khas;
- Mencadangkan untuk keperluan membayar yuran Pas Khas dalam keadaan yang tertentu seperti kehilangan pasport.

- xiii. Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong;
- Mencadangkan bagi mengadakan satu aplikasi banci penduduk yang boleh diakses oleh ketua-ketua kampung dan pihak berkenaan pada bila-bila masa dan di mana jua mengikut keperluan bagi mengenal pasti keberadaan warga asing yang tinggal di kampung itu;
  - Ingin mengetahui jika penggantian pili bomba adalah termasuk dalam pemberian jana kuasa terutamanya di Kampong Ayer;
  - Ingin mengetahui bilakah bangunan pusat komersial seperti tempat letak kereta bertingkat yang terletak di Bandar Seri Begawan akan dibaik pulih untuk digunakan semula agar dapat menangani kesesakan lalu lintas di kawasan Kianggeh.

- 2.1.3. Tajuk SE01A - SE12A telah diundi dan dipersetujui oleh kesemua Ahli-Ahli Yang Berhormat, dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.
- 

**[MAJLIS MESUARAT NEGARA DITANGGUHKAN DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA HARI SELASA, 05 MAC 2024 JAM 9.30 PAGI]**

---